

HUBUNGAN DUA HALA

PM adakan lawatan rasmi 2 hari ke Maldives

[FOTO BERNAMA]

➔ Najib, Abdulla Yameen adakan dialog, mesyuarat dua hala

Male (Maldives)

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tiba di sini malam tadi untuk lawatan rasmi dua hari ke Maldives, sebuah negara kepulauan.

Lawatan sulung Najib ke Maldives ialah atas jemputan Presiden Abdulla Yameen Abdul Gayoom, 33 tahun selepas kali terakhir Perdana Menteri dari Malaysia membuat lawatan.

Ketibaan Najib dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor di Lapangan Terbang Antarabangsa Velana, Hulhule, disambut Menteri Luar Maldives, Dr Mohamed Asim dan Menteri Dalam Negeri, Azleen Ahmed yang juga Menteri Pengiring.

Pesawat khas membawa Najib dan delegasi dari Colombo, Sri Lanka, mendarat di lapangan terbang pada jam 4.50 petang waktu tem-

patan (7.50 malam waktu Malaysia).

Yang turut hadir, Setiausaha Luar Maldives, Ahmed Sareel dan Duta Besar Maldives ke Malaysia, Mohamed Fahmi Hassan.

Perdana Menteri kemudian memeriksa perbarisan kehormatan terdiri daripada anggota Angkatan Pertahanan Negara Maldives.

Najib dan isteri kemudian dibawa menaiki bot menuju ke Kurumba, Maldives yang menjadi tempat penginapan mereka sepanjang lawatan.

Rombongan Perdana Menteri termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam dan Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Upacara sambutan negara

Anggota lain delegasi peringkat tertinggi dari Malaysia ialah Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan beberapa pegawai kanan kerajaan.

Hari ini, jadual ketat Najib bermula dengan upacara sambutan negara apabila beliau akan disam-

but Abdulla Yameen.

Kedua-dua pemimpin dijadual mengadakan mesyuarat empat mata, diikuti mesyuarat dua hala dengan delegasi dari kedua-dua negara.

Mereka juga akan menyaksikan majlis pemeteraian empat memorandum persefahaman (MoU) di antara kedua-dua negara mengenai penubuhan Pusat Kebudayaan Maldives dalam bidang kesihatan, memadam kebakaran dan penyelidikan serta pendidikan tinggi.

Maldives ialah negara paling kecil di Asia dari segi penduduk dan keluasan. Ia berkeluasan 90,000 kilometer persegi dan mempunyai hampir 450,000 penduduk.

Malaysia dan Maldives, kedua-duanya negara Islam, menjalin hubungan mesra merangkumi pelbagai bidang yang luas termasuk pendidikan, pelancongan dan bantuan teknikal yang memberi manfaat bersama kepada kedua-dua negara.

Kedua-dua negara menjalin hubungan dua hala 49 tahun lalu.

Lawatan sulung Najib ke Maldives ialah atas jemputan Presiden negara itu, 33 tahun selepas kali terakhir Perdana Menteri dari Malaysia membuat lawatan.

BERNAMA



Najib dan Rosmah disambut Dr Mohamed (kanan) di Lapangan Terbang Antarabangsa Velana, Hulhule, Maldives, semalam.